

20/11/1997

Rakyat tidak izin PM digugat

reports on "Dewan Rakyat " by Kamal Ahmad; Ahmad Burak; Wan Hazmir Bakar KUALA LUMPUR, Rabu - Pemimpin parti komponen dan ahli Parlimen Barisan Nasional (BN) menyatakan sokongan padu kepada Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad dan mengutuk sekeras-kerasnya sebarang usaha asing untuk mendesak Perdana Menteri meletak jawatan.

Presiden MCA, Datuk Seri Dr Ling Liong Sik, berkata, parti itu dan semua rakyat Malaysia menyokong Perdana Menteri selama mana beliau sanggup memimpin negara kerana rekod kepemimpinannya amat baik.

Katanya, sebagai negara demokrasi dan berdaulat, rakyat tidak akan membenarkan sebarang campur tangan asing dalam urusan pentadbiran negara.

Presiden MIC, Datuk Seri S Samy Vellu berkata, semua rakyat Malaysia mengaku kewibawaan dan kualiti kepimpinan Dr Mahathir.

"MIC membantah sekeras-kerasnya draf resolusi 34 anggota Kongres Amerika Syarikat yang campur tangan dalam hal-ehwal sebuah negara yang berdaulat," katanya.

Presiden Gerakan, Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik pula menyifatkan anggota Kongres terbabit golongan pelampau.

"Kami menentang sekeras-kerasnya penggunaan Akta Sekatan Iran-Libya dan Akta Sekatan Cuba ke atas mana-mana negara lain," katanya.

Ahli Majlis Tertinggi Umno, Datuk Seri Megat Junid Megat Ayob, berkata tanggungjawab rakyat ialah mempertahankan kepimpinan negara dalam apa juga situasi.

"Kita harus berasa terhina apabila pucuk kepimpinan negara difitnah," katanya.

Ketua Pemuda Umno, Datuk Ahmad Zahid Hamidi, berkata kesepaduan rakyat dan parti komponen membuktikan semangat utuh semua pihak menghadapi tekanan Amerika.

"Kita mahu Kongres Amerika menghormati kemerdekaan Malaysia yang berhak menentukan soal kepimpinan negaranya sendiri," katanya.

Ketua Pergerakan Wanita Umno, Datuk Dr Siti Zaharah Sulaiman, berkata pergerakan itu menyokong kepimpinan Dr Mahathir dan yakin beliau mampu mengatasi sebarang masalah tanpa nasihat asing.

Ketua Kelab Penyokong Kerajaan, Ruhanie Ahmad berkata, tindakan anggota Kongres terbabit adalah menyalahi beberapa peruntukan dalam Kanun Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (PBB) termasuk Fasal 2 (1) dan Fasal 2 (4).

"Kita berharap Presiden Bill Clinton akan campur tangan mewaraskan 34 anggota Kongres bahawa tindakan terhadap Dr Mahathir bertentangan dengan kanun PBB," katanya.

(END)